



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

**INDEKS JUALAN RUNCIT
DAN
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU TAHUN KEEMPAT 2023**

*RETAIL SALES INDEX
AND
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
FOURTH QUARTER 2023*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam



SIARAN MEDIA

JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN SUKU TAHUN KEEMPAT 2023

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jualan Runcit dan Jualan Perkhidmatan Makanan Dan Minuman Mencatatkan Peningkatan Tahun-ke-tahun Pada Suku Tahun Keempat 2023

1. Pada suku tahun keempat (Q4) 2023, jualan runcit telah mencatatkan peningkatan sebanyak 0.8 peratus berbanding Q4 2022 dengan hasil jualan meningkat daripada BND440.9 juta kepada BND444.2 juta. Dari segi volum jualan, aktiviti jualan runcit juga mencatatkan pertumbuhan yang positif sebanyak 0.3 peratus berbanding Q4 2022 yang menunjukkan peningkatan permintaan domestik.
2. Peningkatan hasil jualan runcit adalah didorong terutamanya oleh peningkatan jualan Perkakasan, Cat dan Kaca di kedai khusus sebanyak 31.2 peratus, diikuti dengan jualan di Stesen Minyak sebanyak 7.0 peratus; jualan Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah di kedai khusus sebanyak 6.6 peratus; jualan Peralatan Perabot dan Rumah sebanyak 4.0 peratus; dan jualan Peralatan Komputer dan Telekomunikasi sebanyak 2.0 peratus.
3. Bagi perbandingan secara suku tahunan, nilai dan volum jualan runcit pada suku tahun keempat (Q4) 2023 juga telah mencatatkan peningkatan berbanding dengan suku tahun ketiga (Q3) 2023. Nilai jualan runcit telah meningkat sebanyak 6.8 peratus terutamanya didorong oleh peningkatan jualan Peralatan Komputer dan Telekomunikasi sebanyak 31.4 peratus, diikuti dengan jualan Perkakasan, Cat dan Kaca di kedai khusus sebanyak 27.4 peratus; jualan Tekstil, Pakaian dan Kasut sebanyak 24.4 peratus; jualan Peralatan Perabot dan Rumah sebanyak 18.3 peratus; dan jualan di Gedung Serbaneka sebanyak 4.9 peratus.

4. Bagi prestasi jualan perkhidmatan makanan dan minuman, ianya telah meningkat sebanyak 4.0 peratus berbanding Q4 2022 dengan hasil jualan meningkat daripada BND108.8 juta kepada BND113.1 juta. Dari segi volum jualan, aktiviti makanan dan minuman juga mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 3.3 peratus berbanding Q4 2022 yang menunjukkan peningkatan permintaan domestik.
5. Peningkatan hasil jualan makanan dan minuman adalah disebabkan oleh kenaikan bagi hampir kesemua aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman iaitu Aktiviti Perkhidmatan Katering sebanyak 28.1 peratus, diikuti dengan Aktiviti Penyajian Minuman sebanyak 14.5 peratus; Aktiviti Lain-Lain Perkhidmatan Makanan sebanyak 9.4 peratus; dan Restoran sebanyak 3.2 peratus.
6. Bagi perbandingan secara suku tahunan, nilai dan volum jualan perkhidmatan makanan dan minuman telah mencatatkan penurunan berbanding dengan suku tahun ketiga (Q3) 2023. Nilai jualan perkhidmatan makanan dan minuman telah menurun sebanyak 1.5 peratus pada suku tahun keempat (Q4) 2023 yang didorong oleh penurunan hasil jualan bagi Kedai Makanan Segera sebanyak 8.4 peratus; Aktiviti Penyajian Minuman sebanyak 4.2 peratus; Aktiviti Lain-Lain Perkhidmatan Makanan sebanyak 1.1 peratus; dan Restoran sebanyak 0.2 peratus.
7. Indeks Jualan Runcit dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan memberikan gambaran trend perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>.



MEDIA RELEASE

DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX FOURTH QUARTER 2023

BRUNEI DARUSSALAM

Retail Sales and Food & Beverage Services Sales Recorded A Year-on-year Increase In Fourth Quarter 2023

- 1. In the fourth quarter (Q4) 2023, retail sales recorded an increase of 0.8 per cent compared to Q4 2022 with sales revenue increased from BND440.9 million to BND444.2 million. In terms of volume, retail sales activity also recorded a positive growth of 0.3 per cent compared to Q4 2022 indicating a rise in domestic demand.*
- 2. The increase in sales revenue of retail sales was mainly attributed to the increase in sales of Hardware, Paints and Glass in specialized stores by 31.2 per cent, followed by sales at Petrol Station by 7.0 per cent; sales of Electrical Household Appliances and Lighting Equipment in specialized stores by 6.6 per cent; sales of Furniture and Household Equipment by 4.0 per cent; and sales of Computer and Telecommunications Equipment by 2.0 per cent.*
- 3. For quarterly comparison, the retail sales value and volume in Q4 2023 also increased compared to the third quarter (Q3) of 2023. The retail sales value increased by 6.8 per cent, mainly driven by an increase in the sales of Computer and Telecommunications Equipment by 31.4 per cent, followed by sales of Hardware, Paints and Glass in specialized stores by 27.4 per cent; sales of Textiles, Wearing Apparel and Footwear by 24.4 per cent; sales of Furniture and Household Equipment by 18.3 per cent; and sales at Department Store by 4.9 per cent.*

4. *As for sales of food and beverage services, an increase of 4.0 per cent was recorded compared to Q4 2022, with sales revenue increased from BND108.8 million to BND113.1 million. In terms of volume, food and beverages activity also recorded a positive growth of 3.3 per cent compared to Q4 2022 indicating an increase in domestic demand.*
5. *The increase in sales revenue of food and beverage was attributed to the rise in almost all food and beverages services activities, namely Catering Service Activities increased by 28.1 per cent, followed by Beverage Serving Activities by 14.5 per cent; Other Food Service Activities by 9.4 per cent; and Restaurants by 3.2 per cent.*
6. *For quarterly comparison, the sales value and volume of food and beverage services have decreased compared to the third quarter (Q3) of 2023. The sales value of food and beverage services decreased by 1.5 per cent in Q4 2023 due to the decrease in sales revenue of Fast-Food Outlets by 8.4 per cent; Beverage Serving Activities by 4.2 per cent; Other Food Service Activities by 1.1 per cent; and Restaurants by 0.2 per cent.*
7. *Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and provide an outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam on a quarterly basis. Full reports of both activities are available from DEPS's website: <https://deps.mofe.gov.bn>.*